

02 MAY 2002

AIDS-Doktor

DOKTOR PERLU PELAJARI SEMULA MENGENAI HIV/AIDS BAGI DIAGNOSIS

PETALING JAYA, 2 Mei (Bernama) -- Doktor perlu mempelajari semula mengenai diagnosis awal HIV/AIDS supaya rawatan dapat diberikan kepada pesakit yang mungkin membantu menyelamatkan nyawa.

Ketua Bahagian Penyakit Berjangkit, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya Dr Adeeba Kamarulzaman berkata tanda-tanda awal HIV/AIDS adalah sama dengan tanda-tanda penyakit tibi dan demam denggi dan doktor perlu dapat membezakan tanda-tanda kedua-dua penyakit itu.

Ada kes pesakit didiagnosis menghidap ketumbuhan otak sedangkan beliau sebenarnya menghadapi masalah berhubung otak kerana komplikasi HIV/AIDS, kata beliau.

Dr Adeeba, seorang daripada doktor pakar mengenai HIV/AIDS bercakap kepada pemberita selepas Latihan Media mengenai HIV/AIDS anjuran Majlis Aids Malaysia di sini hari ini.

Beliau membentangkan kertas kerja mengenai gambaran berhubung HIV/AIDS dari aspek epidemiologi, program rawatan dan pencegahan.

Beliau berkata ada juga salah tanggapan dikalangan doktor yang menyebut bahawa kes HIV/AIDS kebanyakan membabitkan penagih dadah dan golongan homoseksual, yang tidak benar.

Hasil kajian Pusat Perubatan Universiti Malaya meliputi 378 pesakit yang positif HIV/AIDS dari 1986 sehingga 2000, kira-kira 50.8 peratus (192 kes) pesakit adalah heteroseksual sementara penagih dadah 37.3 peratus (141 kes) dan homoseksual 3.4 peratus (13 kes), kata beliau.

Dr Adeeba berkata semasa menjalankan tugas, ada juga seorang nenek berusia 66 tahun yang didapati HIV positif.

Beliau berkata doktor perlu menjalankan ujian HIV/AIDS ke atas pesakit tanpa mengira umur, kedudukan sosial, atau pekerjaan memandangkan jumlah kes HIV/AIDS semakin meningkat.

Sehingga Dis, 2001 jumlah kes HIV/AIDS yang dilaporkan ialah 44,208 kes.

Sementara itu, Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata walaupun usaha dijalankan untuk mewujudkan kesedaran mengenai bahaya Aids, banyak pegawai tinggi kerajaan masih kurang arif berhubung dengan perkara itu.

Marina berkata baru-baru ini seorang menteri bertanya kepada beliau sama ada HIV/AIDS boleh dijangkiti melalui gigitan nyamuk walaupun isu itu telah dibincangkan secara umum selama hampir dua dekad.

Mulai tahun lepas, Majlis Aids Malaysia telah menyertai seminar dan dialog dengan anggota parlimen dan anggota dewan undangan negeri dan tahun ini majlis akan berdialog dengan kementerian.

Beliau juga berkata Majlis sedang berusaha mendapatkan dana dari sumber lain kerana kerajaan hanya memperuntukkan RM115,000 tahun lalu bagi aktivitinya yang tidak dapat menampung kos operasinya RM2 juta setahun.

-- BERNAMA

HK AZH FAZ